

# Pelajar NR UMS santuni golongan memerlukan

UB 28.06.2023 P.08

KOTA KINABALU: Semangat kesukarelawan dalam kalangan siswa perlu terus dipupuk sebagai asas kepada pembentukan warganegara yang prihatin, bertanggungjawab dan saling membantu tanpa mengira agama, kaum serta warna kulit.

Justeru, Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa Non Residen (JAKMASNR) Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sesi 2022/2023 telah mengadakan program khidmat masyarakat di Pusat Rumah Anak Yatim, Baitul Hidayah Kudat baru-baru ini.

Ia sebagai usaha berterusan dalam menyemai dan memperkukuh semangat kesukarelawan dalam kalangan pelajar universiti.

Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) itu turut mendapat kerjasama daripada Pusat Pengurusan Non Residen dan Fasiliti Perumahan Pelajar (PNRF).

Menurut Pengarah PNRF Hasmi Hashim, program murni tersebut adalah menyokong kepada amanat dan fokus ke-11 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu pemerkasaan pelajar melalui program-program pembangunan sahsiah seumpama itu.

"Ini juga menyahut seruan salah satu program utama di bawah KPT iaitu Semarak Siswa Madani atau juga dikenali sebagai S4S (Student for Society).

"Program ini juga bertujuan menambah pengetahuan dan pengalaman pelajar dalam berinteraksi dengan masyarakat.

"Di samping itu, program ini juga dapat menekankan kepentingan ilmu pengetahuan dan pendidikan melalui pelbagai medium dalam kehidupan serta memberi pengalaman berkualiti kepada pelajar," katanya.

"Bertemakan 'Berganding, Bersatu Menuju Ukhuwah', program yang memabitkan kumpulan pelajar non residen

JAWATANKUASA KEBAJIKAN NON RESIDEN  
2022/2023 DENGAN KOLABORASI  
PUSAT NR DAN FASILITI PERUMAHAN PELAJAR  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2023 | RUMAH ANAK YATIM  
BAITUL HIDAYAH  
KUDAT, SABAH



**TERIMA KASIH:** Wakil kakitangan dari PNRF menyampaikan cenderamata kepada Awang Lahaji.

itu diketuai Pengarah Program, Deanna Masoh.

Kehadiran pelajar NR di Rumah Anak Yatim Baitul Hidayah disambut ceria oleh pengurusan dan penghuni rumah anak yatim serta dibantu oleh para warden yang sentiasa ada di sepanjang program berlangsung.

Pengurus Rumah Anak Yatim, Baitul Hidayah, Awang Lahaji Rokimin turut merakamkan penghargaan kepada UMS khususnya PNRF atas usaha melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di rumah tersebut.

Menurut beliau, kehadiran kumpulan pelajar dari UMS

amat bermakna kerana itu merupakan kali pertama rumah anak yatim tersebut dikunjungi oleh pihak luar, selain turut mengharapkan program sedemikian dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Prof. Madya Dr. Raman Noordin turut menyokong program sahsiah seumpama itu dilaksanakan secara giat dan berterusan.

Hadir sama dalam program tersebut Yang Dipertua JAKMAS NR, Mohd Nazarrudin Zulkipli bersama-sama kakitangan PNRF UMS.